

Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/11/24/0121 (12)
Tarikh : 6 Disember 2024

Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta
Jalan Charleton, Taman Cherry,
30100 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Bahagian Jalan)



Tuan,

**PROJEK / KERJA : BEKALAN AIR KE LOT 8862N, BERSEBELAHAN VIVO SQUARE,
JALAN KUALA KANGSAR, BANDAR IPOH (U) DAERAH KINTA,
PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK FOO LIAN AUTO SUPPLIES SDN.
BHD.**

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Air Perak akan menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi Bekalan Air Ke Lot 8862N, Bersebelahan Vivo Square di Jalan Negeri, Jalan Tuanku Abdul Rahman (A014) sepanjang 65 meter.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Laluan bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Pelan Cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan Persekutuan dan lot tanah bersebelahan.
- (ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
- (iii) Gambar-gambar lokasi.
- (iv) Tarikh jangka mula **27 Disember 2024** dan jangka siap **27 Januari 2025** (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat).

4. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, Cik Siti Nor Amanina Binti Ramli di talian 011-21567382 untuk keterangan lanjut. Kerjasama daripada pihak tuan saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OPS/051224/Koridor/Nina





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/11/24/0121 (12)
Tarikh : 6 Disember 2024

**PROJEK / KERJA : BEKALAN AIR KE LOT 8862N, BERSEBELAHAN VIVO SQUARE,
JALAN KUALA KANGSAR, BANDAR IPOH (U) DAERAH KINTA, PERAK
DARUL RIDZUAN UNTUK FOO LIAN AUTO SUPPLIES SDN. BHD.**
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

s.k:

Pengarah JKR Negeri
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(U.p.: Jurutera Awam Penguasa Jalan)

